

Headline	Bekalan elektrik 1Borneo Hypermall kena potong		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	12 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	1,506	Readership	4,518
Section	News	Page No	1
ArticleSize	296 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,391		



# Bekalan elektrik 1Borneo Hypermall kena potong

**Kota Kinabalu:** Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) memotong bekalan elektrik di 1Borneo Hypermall di sini, semalam.

Tindakan itu diambil berikutan kegagalan pengurusan pusat beli-belah itu menjelaskan tunggakan bil elektrik berjumlah lebih RM8.7 juta.

Jurucakap SESB berkata, pemotongan dibuat selepas pengurusan kompleks itu masih gagal menjelaskan bil tertunggak, walaupun notis arahan berbuat demikian sudah beberapa kali dikeluarkan.

Bagaimanapun, katanya, pemotongan bekalan hanya membabitkan bahagian penyaman udara menyebabkan pusat beli-belah itu kurang sejuk, namun masih beroperasi seperti biasa.

“SESB memotong bekalan

(elektrik) di 1Borneo Hypermall pada jam 8.30 pagi tadi selepas pihak pengurusan masih gagal menjelaskan tunggakan bil, walaupun notis sudah diberikan beberapa kali sebelum ini,” katanya ketika dihubungi.

## Operasi seperti biasa

Berdasarkan surat arahan pemotongan dikeluarkan SESB, tindakan itu dibuat mengikut Perkara 4(2) Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2002.

Surat itu menyebut, bekalan hanya disambung semula dalam tempoh 48 jam selepas jumlah bayaran yang dinyatakan, iaitu RM8,743,403.42 dibayar sepenuhnya.

Hujung bulan lalu, SESB mene-

rusi kenyataan berkata, pihaknya akan melakukan pemotongan bekalan elektrik di bangunan 1Borneo Hypermall hari ini (semalam) jika pihak pengurusan masih gagal membayar tunggakan hutang utiliti sejak setahun lalu yang mencecah RM9.3 juta.

Susulan itu, difahamkan SESB membuat pemotongan pada bahagian penyaman udara selepas pengurusan pusat beli-belah itu menjelaskan sejumlah bayaran.

Tinjauan di pusat beli-belah itu mendapati operasi perniagaan semua premis dan kiosk berjalan seperti biasa.

Bekalan elektrik untuk kegunaan lampu dan tangga bergerak tidak mengalami gangguan kecuali keadaan kurang sejuk.



[ FOTO MOHD ADAM ARININ/BH ]

**Pengusaha premis tetap jalankan perniagaan** seperti biasa walaupun bekalan sistem penghawa dingin di 1Borneo dipotong, di Kota Kinabalu, semalam.